From: UUM CORPORATE COMM.
Sent on: Wednesday, 13 July, 2022 11:45:53 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: TOWNHALL TINGKAT KOMUNIKASI BERSAMA PELAJAR

UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

13 JULAI 2022 / 13 ZULHIJJAH 1443H
==========

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Siti Fatimah Abdullah
Gambar oleh: SMMTC

TOWNHALL TINGKAT KOMUNIKASI BERSAMA PELAJAR



UUM ONLINE: Kira-kira 400 pelajar menjayakan Townhall Pusat Pengajian Teknologi Multimedia dan Komunikasi (SMMTC), Universiti Utara Malaysia (UUM) yang diadakan di Dewan Tan Sri Othman (DTSO),

baru-baru ini.

Dekan SMMTC, Prof. Madya Dr. Norsiah Abdul Hamid berkata, objektif program ini adalah untuk menjadi platform kepada mahasiswa berkongsi idea, pandangan dan bertanya soalan mengenai program akademik di SMMTC.

“Menerusi townhall ini, pusat pengajian dapat mengembleng tenaga kepimpinan muda dan SMMTC untuk bersatu ke arah pembentukan graduan berintelektual tinggi dan holistik selaras dengan usaha universiti untuk meningkatkan kebolehpasaran graduan.

“Program seumpama ini membuka minda pelajar terhadap ketelusan dan fleksibiliti dalam membangunkan program akademik yang komprehensif yang mengambilkira pandangan pihak pemegang taruh bagi mewujudkan program berimpak tinggi dalam mencapai aspirasi pusat pengajian dan UUM,” ujarnya.

Tambahnya, penganjuran ini berupaya mengeratkan lagi hubungan ukhuwah antara pihak pengurusan, kepimpinan dan pelajar SMMTC.

Norsiah berharap townhall ini menjadi agenda promosi dan hasrat warga pusat pengajian agar pelajar kekal menyokong dan menjadi sebahagian daripada rakan strategik kepimpinan dan pembangunan SMMTC.

Townhall ini membariskan enam panel antaranya Dekan SMMTC, Timbalan Dekan, Akademik dan Antarabangsa, Dr. Romlah Ramli, Timbalan Dekan Penyelidikan dan Inovasi, Prof. Madya Dr. Siti Mahfuzah Sarif.

Selain itu, Timbalan Dekan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, Dr. Sabrina Mohd Rashid, Pengerusi Program Pascasiswazah, Dr. Azlina Kamaruddin dan Pengerusi Program Ijazah Sarjana Muda Komunikasi Dr. Adibah Ismail.



Please consider the environment before printing this e-mail

Universiti Utara Malaysia Official Website http://www.uum.edu.my

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed

by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.